

13 DEC 1998

Umno-Reaksi

UMNO PERLU PEMIMPIN YANG MAMPU ISI AGENDA PERJUANGAN, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Umno perlukan pemimpin yang mampu mengisi agenda perjuangan parti dan bukannya kepentingan diri, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Katanya untuk itu seseorang pemimpin perlu mempunyai kebolehan dan kewibawaan serta memiliki peribadi yang baik.

"Apa yang dinyatakan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah cukup bernas, ini juga bererti sesiapa yang ingin menjadi pemimpin dalam Umno perlu mengamalkan corak kepimpinan yang boleh diterima ramai," katanya semasa mengulas ucapan Perdana Menteri pada perhimpunan agung khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir dalam ucapannya menyatakan pemilihan seseorang pemimpin hendaklah diasaskan kepada perwatakan calon, kebolehannya dan kualiti-kualiti lain yang menyesuaikan sebagai pemimpin.

Berhubung usul pindaan yang membenarkan pertubuhan politik atau individu menjadi anggota bergabung, Najib berkata Umno juga akan membuka peluang kepada pihak di luar Umno yang berhasrat untuk bekerjasama dengan parti itu.

"Kita akan beri peluang kepada pihak yang ingin bekerjasama dengan Umno yang atas sebab tertentu sukar untuk menjadi anggota Umno, dengan syarat mereka menerima prinsip dan mendokong matlamat perjuangan kita," katanya.

Bagaimanapun Najib berkata pihak ini tidak akan diberikan hak-hak sepertimana anggota Umno.

"Kita hanya sediakan peruntukan untuk mereka bergabung dan boleh bekerjasama dengan Umno contohnya boleh hadir dalam mesyuarat Umno sebagai pemerhati dan menyertai aktiviti yang dijalankan parti."

Mengenai sama ada keanggotaan Umno akan dibuka kepada bukan Melayu, Najib berkata ia terpulang kepada Majlis Tertinggi untuk membuat keputusan.

Namun keanggotaan Umno sememangnya sudah dibuka kepada kaum Bumiputera.

Naib Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata apa yang diucapkan oleh Presiden parti adalah nasihat dan panduan yang mempunyai hubungkait dengan pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

"Ia satu peringatan yang wajar diberi waktu ini dan ia satu nasihat supaya dijadikan pegangan kita bersama untuk lebih mengutamakan kepentingan parti bukan kepentingan mana-mana kumpulan atau individu," katanya.

Beliau berkata perpaduan parti mestilah menjadi matlamat utama kepada sesiapa yang menawarkan diri berkhidmat untuk parti.

Mengenai pindaan perlembagaan Umno, Abdullah berharap ia dapat membanteras politik wang.

"Perlembagaan, walaupun dipinda berulang kali tidak akan jadi sempurna jika sikap anggota-anggota parti tidak positif, mengutamakan perjuangan dan perpaduan parti," katanya.

Sementara itu, pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata konsep pertandingan dalam suasana persahabatan yang ingin ditekankan pada pemilihan pucuk pimpinan tahun depan perlu direalisasikan dan tidak hanya sebagai retorik semata-mata.

"Setiap calon yang ingin menawarkan diri sesungguhnya perlu mengamalkan pendirian yang sama," katanya.

Ditanya sama ada Pemuda ada mengemukakan cadangan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) untuk menghalang politik yang keterlaluan dalam pemilihan tahun depan, Hishammuddin berkata Pemuda sebenarnya mempunyai cara tersendiri untuk menjalankan pemilihan.

"Saya rasa tidak ada masalah dalam exco Pemuda untuk mencari jalan dan kaedah paling sesuai menjalankan pemilihan tanpa menimbulkan apa-apa masalah atau keretakan," katanya.

Tokoh veteran Umno Datuk Rais Yatim pula berkata anggota Umno tidak harus terlalu taksud terhadap seorang pemimpin kerana amalan demokrasi yang sebenar tidak lagi berasas kepada budaya mengidolakan seseorang itu.

"Kalau Umno berani mengeneipkan sistem idola pemimpin, saya kira demokrasi akan menjadi realiti," katanya.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Sabbaruddin Chik berkata pindaan perlembagaan parti kali ini agak menyeluruh dan ia akan dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk kelulusan dalam masa dua minggu dari sekarang.

-- BERNAMA

TEAM RON